

TERAS kedua daripada lima misi nasional seperti yang digariskan kerajaan ialah untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama di kalangan rakyat jelata.

Kerajaan berpendapat kejayaan masa hadapan negara bergantung kepada mutu modal insan yang dimiliki, bukan sahaja dari segi intelek tetapi juga keperibadian.

Sejajar dengan teras ini, kerajaan akan melaksanakan usaha penambahbaikan sistem pendidikan negara secara menyeluruh, dari peringkat prasekolah hinggalah ke peringkat tinggi dan vokasional.

Persekitaran yang menggalakkan akan diwujudkan untuk menjana lebih banyak usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D). Pada masa yang sama kerajaan akan memberi penekanan kepada usaha memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral.

Mewujudkan rakyat minda kelas pertama bukan mudah tetapi tidak pula mustahil untuk dicapai jika masing-masing berperanan dan menentukan fokus terhadap matlamat tersebut. Minda tersebut mungkin hanya akan wujud daripada kalangan insan yang mementingkan kualiti dalam semua aspek kehidupannya baik pendidikan, tingkah laku (moral), pekerjaannya, cara berfikir, dan sivik.

Rakyat yang ambil mudah dalam semua perkara, cincai cara pemikirannya, kurang kesedaran sivik dan mengutamakan hiburan sudah pasti tidak berupaya untuk memiliki minda kelas pertama seperti yang diidamkan kerajaan iaitu berilmu (intelektual) dan berperibadi mulia.

Pada hakikatnya manusia dijadikan Allah untuk menjadi khalifah (pemimpin) di bumi ini. Untuk berperanan sebagai khalifah di bumi ini, Allah memberikan manusia minda untuk berfikir dan potensi-potensi untuk mengembangkan fikiran bagi meningkatkan kualiti hidup dan kecemerlangan.

Firman Allah s.w.t. dalam al-Quran, surah al-Baqarah 2:30 sewaktu hendak melantik manusia sebagai khalifah di muka bumi ini boleh kita renungkan dan menjadi iktibar tentang potensi kehebatan dimiliki manusia.

Manusia bukan sahaja boleh mengenali benda-benda yang ada di muka bumi ini tetapi diberikan emosi untuk menegakkan kebenaran dan membenci kebatilan.

Manusia juga boleh mengenali kualiti benda, kemampuan memahami makna, kemampuan untuk merancang dan sebagainya. Segala kemampuan itu datangnya daripada potensi akal yang dianugerahkan Allah.

Manusia diberikan pilihan sama ada untuk menjadi manusia yang berkualiti

atau yang kurang kualitinya atau tidak berguna langsung. Umat Islam sepatutnya berasa bertuah kerana selain akal yang mereka milik, Allah juga memberikan mereka al-Quran sebagai panduan hidup berkualiti di muka bumi ini. Malangnya umat Islam tidak membaca dan tidak menghayati al-Quran sebagai panduan hidup.'

Hanyut

Lebih malang lagi sejak akhir-akhir ini lahir arah aliran pemikiran di kalangan umat Islam terutama orang-orang Melayu di negara kita yang lebih suka berseronok dan mementingkan hiburan dari ilmu-ilmu lain yang boleh mengangkat martabat dan maruah mereka. Anak-anak muda Melayu berlumba-lumba untuk menjadi penyanyi dan pihak-pihak tertentu berlumba-lumba mengadakan pelbagai anugerah untuk menyanjung mereka, seolah-olah itulah matlamat dan pencapaian yang sewajarnya dikecapi. Mereka khayal

dan hanyut di pentas fantasi yang dihidangkan setiap masa baik melalui medan penyiaran atau medan terbuka di tempat-tempat awam.

Pada dasarnya orang-orang Melayu dahulu bukanlah bangsa yang sukaberfantasi atau gelojoh hiburan seperti sekarang ini. Mereka digalak berusaha dan mencari rezeki walau di mana berada, jenis pekerjaan tidak timbul asalkan halal dan masyarakat Melayu mesti berusaha dan menggunakan kemahiran dan sama sekali tidak digalak berangan-angan dan berhibur secara berlebihan.

Tetapi kecenderungan itu berubah sejak akhir-akhir ini di mana mereka diasak dengan program-program hiburan baik yang realiti atau tidak realiti. Agak pelik timbul kecenderungan di kalangan berbagai pihak terutama media penyiaran yang berlumba-lumba mengadakan pelbagai rancangan hiburan untuk menarik perhatian masyarakat Melayu terutama para remaja.

Program-program hiburan seperti konsert, drama cinta, filem seram, hantu dan

jembalang baik yang lokal atau import adalah program-program fantasi yang mempesonakan tetapi tidak dapat mengangkat martabat pemikiran orang-orang Melayu kecuali menjadikan mereka khayal dan alpa.

Masyarakat Melayu seolah-olah diberikan pil khayal dengan jenama hiburan untuk meiekakan mereka daripada bergerak ke hadapan untuk menjadi manusia bermaruah dan mempunyai minda kelas pertama.

Jika hiburan dijadikan fokus untuk melekekakan Melayu bolehkah kita wujudkan Melayu berminda kelas pertama seperti yang terkandung dalam dasar kedua dari lima dasar misi nasional. Kalau mereka terus hanyut dan dihanyutkan oleh dunia fantasi yang diterajui dan dipimpin oleh kita sendiri maka sudah pastilah kita akan ditinggalkan oleh orang-orang lain yang telah bergerak maju ke hadapan.

Hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk membangunkan modal insan dan mewujudkan rakyat berminda kelas pertama terutama di kalangan orang-orang Melayu pada masa depan perlulah kita hayati dan memulakan langkah seiring dengan hasrat beliau.

Untuk menjadi umat berkualiti dan berminda kelas pertama orang-orang Melayu hendaklah ada fokus dalam perjuangannya serta menguatkan iman dan keyakinan diri.

Melayu minda kelas pertama

Masyarakat Melayu seolah-olah diberikan pil khayal dengan jenama hiburan untuk melekekakan mereka daripada bergerak ke hadapan untuk menjadi manusia bermaruah dan mempunyai minda kelas pertama